



KENYATAAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MAKLUMBALAS LAPORAN DALAM AKHBAR THE STAR BERTARIKH 7 NOVEMBER 2020 BERTAJUK “NOT ALL PENANG HOSPITAL STAFF RECEIVE ALLOWANCE”

18 NOVEMBER 2020

Kementerian Kesihatan merujuk kepada laporan dalam akhbar The Star bertarikh 7 September 2020 bertajuk “Not all Penang Hospital staff receive allowance”.

Seperti mana yang dimaklumi, Kerajaan telah bersetuju memberikan elaun khas COVID-19 sebagai menghargai pengorbanan dan komitmen petugas kesihatan yang berisiko dijangkiti wabak COVID-19 apabila mereka diarah melaksanakan skop tugas dalam rantai pengurusan wabak tersebut. Perkara ini telah dijelaskan secara terperinci menerusi Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Bilangan 2 Tahun 2020 dan Surat Edaran Ketua Setiausaha Kementerian bertarikh 21 April 2020 mengenai penambahbaikan dalam pemberian elaun khas kepada doktor dan anggota kesihatan yang terlibat secara langsung dalam usaha menangani dan membendung penularan wabak Covid-19.

Menerusi surat pekeliling dan surat edaran tersebut, Ketua Jabatan telah diberikan kuasa untuk melakukan penilaian secara menyeluruh dan mengeluarkan arahan kepada pegawai dan anggota kesihatan yang perlu terlibat secara langsung dalam rangkaian pengurusan wabak COVID-19 termasuk skop tugas lain yang tidak dinyatakan tetapi disifatkan perlu dilaksanakan dan terangkum dalam rangkaian pengurusan wabak tersebut.

Pemberian elaun khas ini dibuat secara bersasar, tidak melibatkan keseluruhan 252,765 pegawai lantikan secara tetap dan lebih 40,000 pegawai lantikan kontrak yang sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan pada masa ini. Ini kerana tidak semua pegawai dan anggota kesihatan perlu diarah untuk melaksanakan skop tugas berkaitan dengan wabak COVID-19. Malah, sebahagian besar pegawai dan anggota kesihatan masih lagi melaksanakan skop tugas seperti biasa dan bertugas di fasiliti kesihatan yang bukan dikhaskan untuk saringan dan perawatan wabak COVID-19.

Arahan ini juga tidak bersifat berterusan kerana mana-mana pegawai tidak lagi melaksanakan skop tugas berkaitan dengan wabak COVID-19 atau diarah bertukar ke penempatan lain, mereka tidak lagi layak untuk menerima bayaran elaun khas tersebut. Mana-mana pegawai dan anggota kesihatan yang sebelum ini tidak dibayar elaun khas tersebut, mereka akan layak menerima bayaran elaun khas tersebut sekiranya diarah untuk melakukan skop tugas berkaitan dengan wabak COVID-19 oleh Ketua Jabatan.

Berdasarkan semakan yang dibuat dengan Hospital Pulau Pinang, adalah disahkan bahawa kesemua petugas kesihatan yang telah diarah dan masih bertugas dalam rantai pengurusan wabak COVID-19 dibayar elaun khas tersebut. Jumlah elaun khas yang telah dibayar kepada petugas kesihatan di Hospital Pulau Pinang bagi tempoh Mac 2020 hingga September 2020 adalah sebanyak RM3,076,300.

Dalam hal ini, pengurusan Hospital Pulau Pinang juga telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pegawai bagi menjelaskan mengenai kelayakan diberi elaun khas ini dan keperluan untuk pegawai dilibatkan secara langsung dalam pengurusan wabak COVID-19 di hospital tersebut. Dalam hal ini, tidak semua pegawai dilibatkan secara serentak kerana pihak pengurusan hospital perlu memastikan perkhidmatan lain bukan COVID-19 terus berjalan seperti biasa di samping mengelakkan potensi jangkitan wabak tersebut di hospital berkenaan. Sesi libat urus ini juga dibuat bagi memastikan tiada pegawai yang layak tercicir daripada menerima dibayar elaun tersebut.

Sehubungan itu, mana-mana pegawai dan anggota kesihatan yang tidak terlibat secara langsung seperti Pegawai Perubatan dan Jururawat “Kak Anum” yang telah ditemubual oleh wartawan, mereka ini hanya menzahirkan harapan agar mereka turut dipertimbangkan bayaran elaun khas tersebut. Dalam hal ini, pegawai akan dipertimbangkan elaun khas tersebut sekiranya diarahkan untuk melaksanakan skop tugas berkaitan dengan wabak COVID-19 kelak.

Walaupun tidak layak diberikan elaun khas COVID-19, pegawai masih menerima gaji bulanan dan elaun-elaun lain seperti biasa. Kementerian Kesihatan juga mengambil pendekatan berkolaboratif dengan penyedia takaful seperti FWD Takaful Berhad bagi menyediakan dana MOH-myHeroes berjumlah RM5 juta untuk diberikan kepada pegawai dan anggota kesihatan yang dijangkiti COVID-19 ketika menjalankan tugas. Peruntukan lebih RM 1 bilion juga telah disediakan bagi membekal peralatan pencegahan dan keselamatan seperti alat pelitup muka, cecair pencuci tangan (hand sanitizer) dan pakaian keselamatan (personal protective equipment) sebagai langkah mengelakkan jangkitan dalam kalangan petugas kesihatan dan menjaga kebajikan mereka. Selain itu, Kerajaan juga menerusi pembentangan bajet 2021 telah mencadangkan agar bayaran bantuan khas sebanyak RM600 diberi kepada semua pegawai Gred 56 dan ke bawah bagi menghargai sumbangan dan komitmen pegawai awam.

Kementerian Kesihatan sentiasa memastikan perkara seperti ini diselesaikan sebaik mungkin demi memastikan Kementerian Kesihatan terus fokus menyampaikan perkhidmatan dengan berkesan kepada pelanggan khususnya bagi memastikan pegawai dan anggota kesihatan lain kekal dan saling menyokong antara satu sama lain dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19.

YBhg. Dato' Seri Dr Chen Chaw Min
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia